



ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
“ATM- SATU KERJAYA”
TAWARAN MEMASUKI SKIM PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempelawa warganegara Malaysia **LELAKI** yang berkelayakan untuk memohon memasuki perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia sebagai Pegawai Kadet dalam Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi Sesi 2009.

SYARAT KELAYAKAN

1. **Umur (Pada 31 Dis 2009):**

a. **TDM**

- (1) Calon Awam : 17 tahun 6 bulan hingga 25 tahun.
- (2) Calon Askar Laskar : Tidak melebihi 28 tahun.

b. **TLDM.**

- (1) Calon awam : 17 tahun 6 bulan hingga 20 tahun.
- (2) Calon Askar Laskar : Tidak melebihi 28 tahun.

c. **TUDM (Juruterbang)** Calon awam sahaja : 17 tahun 6 bulan hingga 20 tahun.

2. **Fizikal:**

- a. Tinggi minimum: 1.57m.
- b. Berat minimum: 47.5 kg.
- c. Ukuran dada minimum: 76sm.
- d. Body Mass Index (BMI) 16.4 hingga 26.9.

3. **Taraf Kesihatan:** Sihat tubuh badan, tidak cacat anggota, penglihatan dan tidak rabun warna. Calon-calon akan melalui proses pemeriksaan kesihatan mengikut piawaian kesihatan yang ditetapkan oleh ATM.

4. **Taraf Perkahwinan:**

- a. Calon awam - Bujang.
- b. Calon Askar Laskar - Bujang/Berkahwin.

5. **Kelayakan Akademik:**

- a. **Perkhidmatan TDM** : Lulus SPM /SPMV atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh kerajaan dengan kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian Lisan), Matematik, Sains atau Fizik atau Kimia, Bahasa Inggeris dan DUA (2) KEPUJIAN tambahan dalam mana-mana matapelajaran lain.

b. **Perkhidmatan TLDM** : Lulus SPM /SPMV atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh kerajaan dengan Kepujian dalam mata pelajaran **Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Bahasa Inggeris, Matematik dan DUA (2) KEPUJIAN** tambahan dalam mana-mana matapelajaran berikut:

- (1) Sains atau Sains Tambahan atau Fizik atau Kimia.
- (2) Prinsip Akaun.
- (3) Perdagangan.
- (4) Matematik Tambahan.
- (5) Teknologi Maklumat atau Reka Cipta.
- (6) Ekonomi Asas.
- (7) Teknologi Kejuruteraan atau Pengajian Kejuruteraan Awam atau Pengajian Kejuruteraan Mekanikal atau Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik atau Teknologi Automotif atau Teknologi Elektronik atau Teknologi Kimpalan & Fabrikasi Logam atau Teknologi Penyejukan & Penyamanan Udara atau Teknologi Elektrik.
- (8) Lukisan Kejuruteraan atau Lukisan Geometri & Automotif atau Lukisan Geometri & Binaan Bangunan atau Lukisan Geometri & Fabrikasi Logam atau Lukisan Geometri & Elektronik atau Lukisan Geometri & Mesin atau Lukisan Geometri & Penyamanan Udara.

c. **Perkhidmatan TUDM (Juruterbang)** : Lulus SPM /SPMV atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh kerajaan dengan Kepujian dalam mata pelajaran **Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Bahasa Inggeris, Matematik, Fizik, Kimia, dan SATU (1) KEPUJIAN** tambahan dalam mana-mana matapelajaran berikut:

- (1) Matematik Tambahan.
- (2) Kejuruteraan atau Lukisan Geometri & Automotif atau Lukisan Geometri & Fabrikasi Logam atau Lukisan Geometri & Mesin Atau Lukisan Geometri & Penyamanan Udara.
- (3) Teknologi Kejuruteraan atau Pengajian Kejuruteraan Mekanikal atau Teknologi Automotif atau Teknologi Kimpalan & Fabrikasi Logam atau Teknologi Penyejukan & Penyamanan Udara.
- (4) Sains Tambahan atau Biologi atau Sains.
- (5) Teknologi Maklumat atau Reka Cipta.

SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

6. Calon-calon yang terpilih akan dilantik sebagai Pegawai Kadet sebelum ditauliahkan sebagai pegawai selepas tamat latihan. Perlantikan dan pentauliahkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan –pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa

GAJI DAN ELAUN

7. **Gaji Pegawai Kadet.** Gaji sepanjang tempoh pengajian dan latihan ialah seperti berikut:

| TAHUN PENGAJIAN | GAJI | ELAUN KHIDMAT |
|-----------------|------------|---------------|
| Tahun 1 | RM 976.96 | RM 80.00 |
| Tahun 2 | RM 1063.48 | RM 80.00 |
| Tahun 3 | RM 1150.00 | RM 80.00 |

8. **Elaun dan Kemudahan***. ATM menyediakan pelbagai elaun serta kemudahan merangkumi:

- a. Elaun Khidmat Tentera, Elaun Pakaian Seragam Pegawai, Elaun Pakaian Istiadat Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) dan Dobi Percuma (Semasa Kursus).
- b. Program Pengajian Peringkat Diploma Pengurusan (TDM) dari Universiti Terbuka Malaysia, Diploma Pengurusan Teknologi (TLDM) dan Diploma Mekanikal Aeronautikal (TUDM) dengan Universiti Teknologi Malaysia secara percuma.
- c. Kemudahan Mes, Sajian dan Rumah Keluarga.
- d. Pakaian Seragam Percuma.
- e. Potongan Tambang untuk Perjalanan Kapal Terbang, Keretapi dan Bas.
- f. Rawatan perubatan dan pergigian percuma.
- g. Waren perjalanan tahunan percuma untuk bercuti bersama keluarga.
- h. Peluang melanjutkan pelajaran ke IPTA tempatan dan Luar Negara di bawah Skim Pengajian Tinggi.
- i. Kemudahan pinjaman kerajaan membeli rumah/kenderaan/komputer.
- j. Pinjaman Pendidikan di bawah Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT).
- k. Cuti Tahunan.

***Kemudahan yang disediakan ini tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan.**

TATACARA PERMOHONAN

9. Permohonan boleh dibuat dengan melayari terus melalui laman web:
www.jobsmalaysia.gov.my.

Atau

10. Tiada borang disediakan. Permohonan yang berminat hanya perlu menghantar salinan dokumen dokumen seperti berikut:

- a. Salinan SPM/SPMV atau Setaraf.
- b. Salinan Kad Pengenalan.
- c. Salinan Sijil Berhenti Sekolah.
- d. Salinan Sijil Lahir.
- e. Salinan Sijil Kokurikulum.
- f. Dua Helai Sampul Surat Berukuran 20sm x 28sm, Bersetem 50 sen dan Beralamat Sendiri. (Sila catatkan di sebelah kiri sampul surat pilihan anda sama ada Tentera Darat Malaysia atau Tentera Laut Diraja Malaysia atau Tentera Udara Diraja Malaysia).

11. Permohonan lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Markas Angkatan Tentera Malaysia
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Cawangan Tenaga Kerja
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
(Untuk Perhatian: Tenaga Kerja C)**

Atau

Datang sendiri ke **Cawangan Tenaga Kerja, Bahagian Perkhidmatan Anggota, Kementerian Pertahanan**, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur dengan membawa dokumen –dokumen seperti di atas.

UNTUK PERTANYAAN :

Talian: 03-20712382 (Lt Kol Mohd Nasir), 03-20714524 (Lt Suariff TLDM),
03-20714526 (Kapt Mohd Azrol TUDM), 03-20712391(Kaunter Pertanyaan).

atau Talian Bebas Tol : 1-800-88-7588

No Faks: 03-26985340 ,03-26986235

Email: ctk.mtk@mod.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan: 27 MAC 2009

Maklumat Penting:

- Hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk ujian dan temuduga di pusat pemilihan yang ditetapkan. **Mereka yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 14 JULAI 2009 adalah dianggap tidak berjaya.**